

Peserta FSTEP ikuti program luar tingkatan kemahiran

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bharian.com.my

SETELAH enam bulan bertungkus lumus mengikuti kelas dan tutorial, peserta Program Meningkatkan Tenaga Mahir dalam Sektor Kewangan (FSTEP) akhirnya keluar menjalani Program Outward Bound (OBS), baru-baru ini.

Seramai 108 peserta FSTEP pengambilan ketiga berlepas ke Lumut untuk menjalani program OBS selama 10 hari

sebelum mereka mengikuti latihan sambil kerja selama lima bulan.

FSTEP adalah program intensif setahun bertujuan melatih graduan berkaliber menyertai industri perkhidmatan kewangan.

Modul program di bawah inisiatif Bank Negara itu memberi pendedahan sebenar dari aspek pengetahuan teknikal dalam empat aliran kewangan, selain menitikberatkan pembangunan kemahiran insaniah

melalui kombinasi bengkel kerja, simulasi, kajian kes serta latihan sambil kerja di institusi kewangan.

Semua peserta FSTEP dikehendaki menjalani program OBS yang memberi penekanan terhadap pembinaan karektor dan keberkesanan kerja berpasukan.

Seorang peserta, Hasan Abdul Rahman, berkata menerusi program OBS, peserta mengetahui potensi diri dan kelemahan bagi menghadapi cabaran latihan sambil kerja serta mengenali rakan lain dengan lebih dekat.

"Semua aktiviti memerlukan kekuatan fizikal dan mental, contohnya berjalan selama enam jam ketika mengikuti kegiatan merentas hutan.

Mengenai pengambilan FSTEP, antaranya pemohon mestilah berusia kurang 30 tahun, warga negara, mendapati purata nilai gred kumulatif sekurang-kurangnya 3.25 dalam apa juga pengajian ijazah sarjana muda atau kelayakan lebih tinggi dari universiti diiktiraf.

Pengambilan kelima bermula Februari tahun depan dan borang permohonan boleh dimuat turun daripada laman web enquiry@fstep.org.my dan faks kepada 03-20314766 bersama resume pemohon.



HASAN (depan kanan) bersama rakan menyertai kegiatan OBS di Lumut, baru-baru ini.